

Jumaat, 15 Mei 2020 | 4:21pm



Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika sidang media harian perkembangan PKPB di Putrajaya, hari ini. - Foto BERNAMA

COVID-19: 'Jangan bawa anak kecil, warga tua keluar'

Oleh Rohaniza Idris dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengulangi nasihat supaya orang ramai tidak membawa anak kecil dan warga tua keluar membeli-belah kerana berisiko tinggi dijangkiti COVID-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata semua pihak bertanggungjawab memastikan ahli keluarga masing-masing selamat dan sihat serta bebas daripada jangkitan wabak itu.

"Jangan bawa anak-anak kecil dan warga emas keluar membeli makanan atau apa sahaja," katanya pada sidang media selepas mesyuarat khas menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Putrajaya, hari ini.

Ismail Sabri berkata, pengusaha dan orang ramai perlu mengutamakan penjarakan sosial dan kebersihan diri, terutama dalam aktiviti jual beli barang keperluan harian.

Secara keseluruhan, katanya, bekalan barangan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan serta mudah diperoleh.

"Sejumlah 2,920 aduan harga dan bekalan direkodkan untuk tindakan bahagian penguat kuasa melalui sistem E-Aduan.

"Tindakan akan diambil jika mana-mana peniaga sama ada pengeluar, pengilang, pemborong atau peruncit didapati cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang," katanya.

Katanya, pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan 1,709 pemeriksaan khas Pematuhan SOP PKPB bermula semalam.

"Pemeriksaan KPDNHEP mendapati 1,406 premis mematuhi SOP ditetapkan. Sebanyak 185 premis diberi nasihat dan 18 premis lagi diberi amaran atas ketidakpatuhan SOP.

"Semalam, KPDNHEP membuat pemantauan harian 25 jenis bekalan di 1,020 premis perniagaan termasuk peruncit (799), pemborong (190) dan pengilang (31)," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689155/covid-19-jangan-bawa-anak-kecil-warga-tua-keluar>

